

Simpoh Air Ubat Denggi

Pokok simpoh air atau shrubby dillenia atau shrubby simpoh atau *Dillenia suffruticosa* merupakan tumbuhan renek malar hijau yang dapat mencapai ketinggian hingga lima meter. Daun pokok ini besar, tumbuh mengarah ke bawah, mempunyai rupa seperti daun kubis, mempunyai tangkai yang panjang dan mempunyai unjuran seperti sayap.

Simpoh air menghasilkan bunga di dalam satu jambak yang mengandungi antara lima hingga 12 kuntum bunga. Bunga tumbuhan ini berkembang satu persatu. Kudup bunga simpoh air mempunyai sepal berwarna hijau. Namun begitu, warna ini berubah

menjadi hijau bertompok merah selepas bunganya berkembang. Petal bunga simpoh air pula berwarna kuning. Warna ini sangat menarik.

Buah simpoh air berwarna merah jambu apabila matang dan merekah serta kembang seperti bentuk bintang.




Buah simpoh air yang merekah bijinya (kiri) dan bunga simpoh air (kanan).

Di dalam rekahan itu ada biji yang berwarna perang dan diselaputi oleh lapisan aril yang berwarna merah.

Pokok simpoh air tersebar luas di rantau Asia Tenggara. Lazimnya, pokok ini ditemukan di tanah pamah hutan sekunder yang lembap atau berpayau. Ada kalanya, tumbuhan ini menjadi belukar di kawasan tanah lapang yang terbiar, tanah cerun, kawasan kurang subur dan di tepi sungai.

Nama tempatan lain bagi simpoh air ialah simpoh gajah dan simpoh paya. Tumbuhan ini juga dikenali sebagai simpur air, meringis air, dungin, simpur rimba, tambakau atau buan (Indonesia), san yawa (Thailand), simpur bini atau simpur air (Brunei) dan *kibana modoki* (Jepun).

Simpoh air merupakan sumber bahan semula jadi dalam ilmu perubatan tradisional tempatan sejak dahulu lagi. Dapat dikatakan seluruh bahagian tumbuhan ini mempunyai khasiat



yang tersendiri. Bahagian kulit pokok tumbuhan ini ditumbuk dan ditampal pada anggota badan yang luka atau calar.

Daun simpoh air dipercayai dapat menyembuhkan luka dan menghentikan perdarahan. Daun muda yang ditumbuk bersama-sama dengan pokok senduduk dipercayai dapat meredakan bengkak, bisul, gatal, luka serta kesan lebam pada badan. Buah tumbuhan ini yang dihancurkan dan dicampurkan dengan air dijadikan syampu rambut supaya kesihatan rambut dan kulit kepala terjaga. Pernah juga dilaporkan air rebusan akar tumbuhan ini diminum bagi merawat demam.

Di Sabah, nama tempatan simpoh air ialah simpoh bini, manakala bagi suku bangsa Dusun pula pokok ini dikenali sebagai doringan. Daun tumbuhan ini digunakan sebagai penyembuh sakit kepala. Di Sarawak, pokok simpoh air dikenali dengan bermacam-macam nama mengikut bahasa tempatan, iaitu buan (Iban), bu'ua (Bidayuh), kayo' ta'ah (Kayan), jengin (Melanau), peracah (Lun Bawang), abuan (Selako), simpur (Kedayan) dan simpur gayur daun (Bisaya).

Masyarakat Iban menggunakan bahagian akar simpoh air dalam rawatan sakit perut dan masalah buang air besar berdarah. Daun muda tumbuhan ini juga digunakan bagi menghentikan perdarahan. Bagi masyarakat Melanau, daun muda simpoh air digunakan dalam rawatan bengkak yang dialami pada bahagian jari kaki dan tangan.

Di samping itu, bahagian akarnya disyorkan oleh masyarakat Kedayan untuk dijadikan tonik kesihatan bagi golongan wanita selepas bersalin. Bahagian kulit pokok tumbuhan ini dijadikan ramuan air mandi dalam rawatan penyakit kulit. Bagi masyarakat Bisaya, amalan minum teh yang dibancuh daripada bahagian akar simpoh air berkesan dalam rawatan masalah salur pernafasan. Kudup bunganya pula digunakan dalam rawatan luka.

Selain itu, akar simpoh air yang dididihkan diminum oleh masyarakat Lun Bawang dalam rawatan sakit perut. Daun muda simpoh air yang dicampurkan daun pokok senduduk digunakan oleh masyarakat Selako dalam rawatan luka dan cedera. Di samping itu, bahagian kulit pokok tumbuhan ini digunakan dalam rawatan gatal kulit. Antara kegunaan lain simpoh air termasuklah sebagai penawar keracunan serta mengubati masalah sawan dan luka. Hal ini dilakukan menggunakan bahagian akar mudanya.

Di Indonesia, daun dan akarnya digunakan bagi mengubati masalah gatal kulit, sakit perut dan rawatan selepas bersalin bagi wanita berpantang. Di Brunei, pokok ini digunakan bagi rawatan luka dan untuk menghentikan perdarahan. Bahagian pulpa buahnya pula digunakan sebagai syampu rambut.

Merusi penyelidikan dan kajian saintifik yang dilakukan terhadap pokok simpoh air, kegunaan tradisional pokok ini dapat dinilai dan dijadikan penemuan baharu dalam bidang sains.

Sebenarnya, kesan pemberian ekstrak simpoh air terhadap virus denggi pernah dikaji. Dalam kajian ini, sel C6/36 yang berasal daripada nyamuk *Aedes albopictus* dijangkitkan dengan virus denggi. Sel ini diberi ekstrak simpoh air pada dos yang



Simpoh air sejenis pokok renek yang rendah.